

PERUTUSAN PENGERUSI



TUNKU DATO' YAACOB KHYRA
Pengerusi Eksekutif

Pemegang Saham Yang Dihargai, Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

PERSEKITARAN OPERASI

Perkembangan ekonomi global pada suku ke-3 2016 masih kekal, dengan pertumbuhan hanya 2.6% dicatatkan, terutamanya disebabkan pelarasan struktur di kebanyakan negara besar, bencana alam yang berulang, peristiwa geopolitik seperti Brexit, ketidakpastian yang memuncak akibat pilihan raya Presiden Amerika Syarikat ("AS"), kejatuhan nilai mata wang Asia dan kemungkinan berlaku perubahan dasar di AS. Dalam suasana ini, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih rendah sebanyak 4.3% pada suku ke-3 2016 (S3 2015: 4.7%), yang disokong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta tempatan, tetapi dikekang oleh kemerosotan perbelanjaan awam, penyusutan sektor pertanian dan kenaikan harga makanan dan minuman tidak beralkohol akibat penarikan balik subsidi tertentu oleh kerajaan Malaysia.

Pada tahun yang dilaporkan, Kumpulan memberi tumpuan kepada usahanya untuk menyempurnakan beberapa usul korporat dan pada masa yang sama memantau prestasi kewangan perniagaan Kumpulan yang masih beroperasi.

PERKEMBANGAN TERKINI CADANGAN KORPORAT

Kumpulan dengan sukacitanya membentangkan perkembangan terkini cadangan korporat penting yang dilaksanakan pada tahun yang dilaporkan:

- a) Pada 30 Jun 2016, Syarikat telah menyempurnakan pelupusan anak syarikat yang dimilikinya sebanyak 75%, iaitu MAA Takaful Berhad (“MAA Takaful”), yang kini dikenali sebagai Zurich Takaful Malaysia Berhad, kepada Zurich Insurance Company Ltd (“Zurich”) dengan pertimbangan tunai muktamad sebanyak RM364.4 juta. Daripada jumlah tersebut, Kumpulan sudah menerima RM270.6 juta manakala baki RM93.75 juta akan dibayar oleh Zurich pada ulang tahun ketiga tarikh pelupusan disempurnakan menurut terma dan syarat perjanjian jual beli.
- b) Pada 31 Mac 2016, Kumpulan telah menyempurnakan pelupusan anak syarikat yang 100% dimiliki olehnya iaitu MAA Cards Sdn Bhd, kepada eProtea Sdn Bhd (kini dikenali sebagai Finexus Sdn Bhd) dengan pertimbangan tunai muktamad sebanyak RM6.0 juta.
- c) Pada 6 Disember 2016, anak syarikat Kumpulan, MAA International Assurance Ltd (“MAAIA”) telah mengirimi wang berjumlah PHP 300 juta (lebih kurang RM27.3 juta) untuk melanggan sebanyak 300,000 saham baru tambahan dengan nilai par PHP 1,000 setiap satu dalam MAA General Assurance Philippines, Inc. (“MAAGAP”), sebuah syarikat insurans am berlesen yang beroperasi di Republik Filipina (dirujuk sebagai “Cadangan Langganan”).

Cadangan Langganan ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan di Filipina. Apabila Cadangan Langganan ini disempurnakan, kepentingan ekuiti MAAIA dalam MAAGAP akan meningkat daripada 40% sekarang kepada 70%, seterusnya menjadikan MAAGAP sebuah anak syarikat Kumpulan.
- d) Berhubung dengan status PN17 Syarikat, pada 20 Disember 2016, Syarikat telah memohon lanjutan tempoh bagi mengemukakan rancangan penyusunan semula untuk kelulusan Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Permohonan untuk lanjutan tempoh ini tertakluk kepada pertimbangan Bursa Securities. Pada 16 Februari 2017, Bursa Securities telah meluluskan tempoh lanjutan sehingga 30 Jun 2017.

TINJAUAN KEPUTUSAN

Pada 2016, Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai (“USC”) lebih tinggi sebanyak RM267.6 juta (2015: USC RM32.6 juta), yang sebahagian besarnya diraih menerusi keuntungan RM280.4 juta daripada pelupusan perniagaan takaful, iaitu MAA Takaful, dan juga sumbangan keuntungan lebih tinggi daripada syarikat-syarikat sekutu Kumpulan, dengan jumlah bahagian keuntungan selepas cukai sebanyak RM4.7 juta (2015: RM3.8 juta).

Maklumat perniagaan, operasi dan prestasi kewangan Kumpulan pada tahun yang dilaporkan dibincangkan secara berasingan dalam Penyata Perbincangan dan Analisis Pengurusan dalam halaman yang dilampirkan.

DIVIDEN

Sebagai imbuhan kepada pemegang saham atas sokongan mereka, Syarikat telah membayar dividen interim sebanyak 41 sen (2015: 6 sen) sesaham biasa di bawah sistem dividen satu peringkat pada tahun yang dilaporkan, termasuk dividen khas interim 35 sen sesaham biasa yang tertakluk kepada penyempurnaan pelupusan MAA Takaful.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Seperti tahun-tahun lepas, Kumpulan menunaikan tanggungjawab sosial korporatnya menerusi *MAA Medicare Charitable Foundation* dan turut memberikan sokongan kepada *The Budimas Charitable Foundation*.

PROSPEK

Menjelang tahun 2017, suasana tidak menentu yang berpotensi menjejaskan pertumbuhan ekonomi global, termasuk isu yang dikaitkan dengan Brexit, dasar kewangan di negara-negara besar, dasar perlindungan industri tempatan di AS dan kemungkinan dilanda kemelesetan ekonomi lebih teruk di Republik Rakyat China.

Pada tahun 2017, ekonomi Malaysia juga menghadapi cabaran dan risiko lebih besar akibat persekitaran global dan tempatan yang tidak menentu, khususnya kesan sejak penghujung 2014, termasuk kejatuhan harga komoditi, kemerosotan nilai ringgit yang berpanjangan, pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan, pelarasan harga tempatan dan pertumbuhan ekonomi Republik Rakyat China yang kurang pesat.

Walaupun berdepan dengan kemelut persekitaran ekonomi yang mencabar ini, Kumpulan akan menumpukan usahanya pada 2017 untuk menyempurnakan dan mengemukakan rancangan penyusunan semula PN17 menerusi pengambilalihan perniagaan baru kepada Bursa Securities untuk kelulusan. Mengenai pengambilalihan ini, Kumpulan akan teliti dalam mengenal pasti dan menilai perniagaan baru untuk diambil alih bagi mencapai objektif menjana keuntungan lestari bersama-sama supaya Kumpulan dapat melangkah maju ke masa hadapan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan Pengurusan dan juga kakitangan atas komitmen, dedikasi dan sumbangan mereka kepada Kumpulan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada rakan niaga, pelanggan dan pemegang saham kami yang dihargai atas sokongan, keyakinan dan kepercayaan yang diberikan terhadap kami.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya dalam Lembaga Pengarah kerana kepimpinan dan sumbangan mereka kepada Kumpulan.

Tunku Dato' Yaacob Khyra
Pengerusi Eksekutif